

Hari Malaysia diumumkan cuti umum

Pembentukan sebuah negara yang merdeka dan berdaulat menjadi titik sejarah penting: Najib

S.H 20/10/09 M/S 11

NURKHAIRINI JUMARI
Foto SAMSUL SAID

KUALA LUMPUR – Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan sambutan Hari Malaysia pada 16 September setiap tahun, diisytiharkan sebagai cuti umum untuk seluruh negara mulai tahun depan.

Beliau yang mengumumkan perkara itu pada persidangan Dewan Rakyat semalam berkata, pembentukan Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat merupakan satu titik sejarah yang amat penting.

"Hari Merdeka pada 31 Ogos mengingatkan kita akan perjuangan mencapai kemerdekaan dari penjajahan, yang akan dirayakan dengan pelbagai acara rasmi seperti perarakan dan sebagainya untuk mengingati detik sejarah itu.

"Hari Malaysia pula akan

dirayakan dengan acara-acara bersifat mengeratkan perpaduan, persefahaman antara kaum, kejayaan dan pencapaian masyarakat menerusi bidang sukan, sosio-budaya, kesenian dan lain-lain yang akan menyemarakkan semangat 1Malaysia," katanya.

Najib berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Dr Marcus Mojigoh (BN-Putatan) yang bertanya sejauh mana penerimaan rakyat terhadap gagasan 1Malaysia dan jenis-jenis program yang difikirkan berkesan untuk mencapai hasrat tersebut.

Persidangan Dewan Rakyat bagi Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Parlimen Kedua Belas bermula tepat pukul 10 pagi semalam dengan menyaksikan Perdana Menteri sebagai yang pertama memberikan jawapan bagi sesi pertanyaan bagi jawapan lisan pagi semalam.

Hari Malaysia diraikan

pada 16 September setiap tahun untuk memperingati penubuhan Persekutuan Malaysia di mana Sabah dan Sarawak telah menyertai Malaysia pada 1963.

Najib berkata, pembentukan Malaysia sebagai negara merdeka dan berdaulat merupakan titik sejarah yang amat penting dan mahu suka duka rakyat di Sabah dan Sarawak dirasai oleh rakyat di Semenanjung.

Laporan Sidang Dewan Rakyat di N8&N9

"Rakyat di Sabah dan Sarawak telah menyertai Malaysia sejak tahun 1963. Maka wajar sekiranya rakyat di Sabah dan Sarawak dapat menikmati kemajuan pembangunan, pendidikan, ekonomi dan sosial seperti di Semenanjung," katanya.

Menjawab mengenai

gagasan 1Malaysia, Najib berkata, tujuan utama Gagasan 1Malaysia yang diperkenalkannya adalah untuk terus memupuk perpaduan nasional di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dengan menekankan dua aspek utama iaitu perpaduan dan nilai-nilai aspirasi yang dapat menggembleng rakyat bersatu padu ke arah negara maju.

"Untuk meningkatkan perhubungan antara tiga wilayah itu, kekerapan dan kapasiti penerbangan akan terus dipertingkatkan selain pembinaan prasarana asas bagi dua buah negeri itu seperti jalan, bekalan air dan elektrik, sekolah, klinik dan hospital akan terus diberi keutamaan dengan menambah lebih banyak peruntukan," katanya.

Sementara itu, menjawab soalan Datuk Seri Abdul Hadi Awang (Pas-Marang), Najib berkata, gagasan 1Malaysia



● Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk T Murugiah bersalaman sebelum Perdana Menteri memasuki Dewan Rakyat semalam

dianggap sebagai kesinambungan dasar yang diperkenalkan sebelumnya.

"Ia perjalanan yang lama, tidak mungkin sampai ke penghujung dalam masa se-penggal dua penggal. Kita anggap ia satu kesinambungan, dan apabila kita lakukan satu gagasan 1Malaysia ada

nilai yang mendasari gagasan ini dan ia menyokong Wawasan 2020," katanya.

Abdul Hadi bertanya sama ada penerapan gagasan 1Malaysia, bermakna kerajaan mengetepikan dasar-dasar terdahulu termasuk Islam Hadhari, Bersih Cekap dan Amanah dan Wawasan 2020.